

# Genap tujuh tahun kehilangan MH370

## Waris mahu lupakan tragedi, serah kerajaan rungkai misteri

Berita Harian · 8 Mar 2021

Ipoh: Sering kali apabila tiba 8 Mac, ada sekelumit perasaan ingin tahu tercetus dalam kalangan waris penumpang dan anak kapal penerbangan Malaysia Airlines MH370, apa sebenarnya yang terjadi kepada pesawat itu tujuh tahun lalu, mengiringi doa dan harapan agar keajaiban akan muncul suatu hari nanti.

# Genap tujuh tahun kehilangan MH370

Waris mahu lupakan tragedi, serah kerajaan rungkai misteri

**Ipoh:** Sering kali apabila tiba 8 Mac, ada sekelumit perasaan ingin tahu tercetus dalam kalangan waris penumpang dan anak kapal penerbangan Malaysia Airlines MH370, apa sebenarnya yang terjadi kepada pesawat itu tujuh tahun lalu, mengiringi doa dan harapan agar keajaiban akan muncul suatu hari nanti.

Ada juga yang sudah tidak mahu mengingatnya dan hanya berserah kepada Tuhan serta pihak berkuasa dalam merungkai misteri paling pelik dalam sejarah penerbangan dunia itu.

Bagi Maira Elizabeth Nari, anak perempuan ketua pramugara pesawat itu, Andrew Nari, tiada apa yang boleh dilakukan dan kehidupan perlu diteruskan walaupun tahun demi

tahun sejak kehilangan pesawat itu silih berganti berlalu tanpa sebarang jawapan bagi merungkai misteri kehilangannya.

"Sudah bertahun berlahe, cepat sungguh tujuh tahun. Perasaannya sama seperti keadaan tujuh tahun lalu semasa saya berumur 17 tahun, tapi tiada apa yang boleh kita lakukan, hanya teruskan kehidupan. Kami baik-baik sahaja, setiap tahun sama," katanya.

Adik ipar kepada ketua pramugara MH370, Goh Sock Lay yang enggan dikenali, sewaktu ditemui di rumahnya di Kampung Tawas di sini baru-baru ini, berkata peristiwa yang berlaku itu tidak mahu diingati mereka lagi.

"Kami sudah tidak mahu ingat lagi peristiwa (tragedi MH370), hal sudah lama, kami sekeluarga sudah lupa. Apa mahu cerita lagi, ini cerita sedih, tak nak ingat lagi," katanya.

Belisu berkata, suami Sock Lay kini bekerja di sebuah ki-

lang sarung tangan di Seremban dan sudah agak lama tidak pulang ke kampung halaman, hanya berhubung dengan mereka sekeluarga menerusi panggilan telefon untuk bertanya khabar.

Lelaki berkenaan berkata, mereka sekeluarga menyerahkan sepenuhnya kes itu kepada Kerajaan Malaysia dan tidak mempunyai hak untuk mencampuri misi pencarian pesawat MH370.

Sementara itu, wakil keluarga kepada seorang penumpang MH370, Tan Ah Meng di Kampung Kanthan, Chemor, di sini, turut mengakui sudah melupakan peristiwa itu.

"Kami sekeluarga sudah lupa kejadian itu, tidak ada apa yang mahu dicakapkan lagi," katanya menambah, kedua-dua ibu bapa Ah Meng juga sudah meninggal dunia beberapa tahun lalu.

Pakar penerbangan, Prof Dr Mohd Harridon Mohamed Suffian, berkata tiada petunjuk baharu mengenai kehilangan pesawat itu setakat ini dan keadaan itu mungkin mengusarkan banyak pihak.

Namun, juruterbang ujian di Universiti Kuala Lumpur (UniKL) itu berkata, ada beberapa kes rujukan yang menyaksikan bangkai kapal terbang dijumpai selepas hilang beberapa tahun dan tiada



**Perasaannya sama seperti keadaan tujuh tahun lalu, tapi tiada apa yang boleh kita lakukan, hanya teruskan kehidupan.**

**Maira Elizabeth Nari,**  
Anak ketua pramugara MH370



**Ada beberapa kes rujukan yang menyaksikan bangkai kapal terbang dijumpai selepas hilang beberapa tahun.**

**Mohd Harridon Mohamed Suffian,**  
Pakar penerbangan

salah jika ada pihak yang ingin meneruskan usaha mencari pesawat Boeing 777 itu.

"Contohnya ialah bangkai kapal terbang Piper dijumpai di Michigan, Amerika Syarikat (AS) selepas 21 tahun, manakala bangkai kapal terbang Learjet dijumpai di New Hampshire, AS selepas 3 tahun.

"Dalam dua kes itu, usaha pencarian dilakukan secara besar-besaran dan terperinci, namun kesan kemalangan udara itu tidak dijumpai sehingga selepas beberapa tahun kemudian.

"Ini menunjukkan harapan masih ada jika ada pihak masih berhasrat untuk meneruskan usaha pencarian," katanya.

Hari ini, genap tujuh tahun pesawat Malaysia Airlines, pe-

nerbangan MH370 hilang daripada imbasan radar semasa dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing, China.

Keluarga 239 penumpang dan anak kapal pesawat itu masih menanti pengakhiran episod tragis terbabit.

Kementerian Pengangkutan sebelum ini dilaporkan masih belum memutuskan sama ada akan melancarkan semula pencarian MH370 atau tidak, kerana setakat ini tiada sebarang bukti baharu mengenainya ditemui untuk menggerakkan semula pencarian.

Sumber Kementerian Pengangkutan memberitahu BERNAMA kerajaan akan membuat satu pengumuman penting berkaitan tragedi itu dalam masa terdekat. **BERNAMA**



Ada juga yang sudah tidak mahu mengingatnya dan hanya berserah kepada Tuhan serta pihak berkuasa dalam merungkai misteri paling pelik dalam sejarah penerbangan dunia itu. Bagi Maira Elizabeth Nari, anak perempuan ketua pramugara pesawat itu, Andrew Nari, tiada apa yang boleh dilakukan dan kehidupan perlu diteruskan walaupun tahun demi tahun sejak kehilangan pesawat itu silih berganti berlalu tanpa sebarang jawapan bagi merungkai misteri kehilangannya.

“Sudah bertahun berlalu, cepat sungguh tujuh tahun. Perasaannya sama seperti keadaan tujuh tahun lalu semasa saya berumur 17 tahun, tapi tiada apa yang boleh kita lakukan, hanya teruskan kehidupan. Kami baik-baik sahaja, setiap tahun sama,” katanya.

Adik ipar kepada ketua pramugari MH370, Goh Sock Lay yang enggan dikenali, sewaktu ditemui di rumahnya di Kampung Tawas di sini baru-baru ini, berkata peristiwa yang berlaku itu tidak mahu diingati mereka lagi.

“Kami sudah tidak mahu ingat lagi peristiwa (tragedi MH370), hal sudah lama, kami sekeluarga sudah lupa. Apa mahu cerita lagi, ini cerita sedih, tak nak ingat lagi,” katanya. Beliau berkata, suami Sock Lay kini bekerja di sebuah kilang sarung tangan di Seremban dan sudah agak lama tidak pulang ke kampung halaman, hanya berhubung dengan mereka sekeluarga menerusi panggilan telefon untuk bertanya khabar.

Lelaki berkenaan berkata, mereka sekeluarga menyerahkan sepenuhnya kes itu kepada Kerajaan Malaysia dan tidak mempunyai hak untuk mencampuri misi pencarian pesawat MH370.

Sementara itu, wakil keluarga kepada seorang penumpang MH370, Tan Ah Meng di Kampung Kanthan, Chemor, di sini, turut mengakui sudah melupakan peristiwa itu.

“Kami sekeluarga sudah lupa kejadian itu, tidak ada apa yang mahu dicakapkan lagi,” katanya menambah, kedua-dua ibu bapa Ah Meng juga sudah meninggal dunia beberapa tahun lalu.

Pakar penerbangan, Prof Dr Mohd Harridon Mohamed Suffian, berkata tiada petunjuk baharu mengenai kehilangan pesawat itu setakat ini dan keadaan itu mungkin menggusarkan banyak pihak.

Namun, juruterbang ujian di Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) itu berkata, ada beberapa kes rujukan yang menyaksikan bangkai kapal terbang dijumpai selepas hilang beberapa tahun dan tiada

Perasaannya sama seperti keadaan tujuh tahun lalu, tapi tiada apa yang boleh kita lakukan, hanya teruskan kehidupan.

Anak ketua pramugara MH370

salah jika ada pihak yang ingin meneruskan usaha mencari pesawat Boeing 777 itu.

“Contohnya ialah bangkai kapal terbang Piper dijumpai di Michigan, Amerika Syarikat (AS) selepas 21 tahun, manakala bangkai kapal terbang Learjet dijumpai di New Hampshire, AS selepas 3 tahun.

“Dalam dua kes itu, usaha pencarian dilakukan secara besar-besaran dan terperinci, namun kesan kemalangan udara itu tidak dijumpai sehingga selepas beberapa tahun kemudian.

“Ini menunjukkan harapan masih ada jika ada pihak masih berhasrat untuk meneruskan usaha pencarian,” katanya.

Hari ini, genap tujuh tahun pesawat Malaysia Airlines, penerbangan MH370 hilang daripada imbasan radar semasa dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing, China.

Keluarga 239 penumpang dan anak kapal pesawat itu masih menanti pengakhiran episod tragis terbabit.

Kementerian Pengangkutan sebelum ini dilaporkan masih belum memutuskan sama ada akan melancarkan semula pencarian MH370 atau tidak, kerana setakat ini tiada sebarang bukti baharu mengenainya ditemui untuk mengerakkan semula pencarian. Sumber Kementerian Pengangkutan memberitahu BERNAMA kerajaan akan membuat satu pengumuman penting berkaitan tragedi itu dalam masa terdekat. BERNAMA